

## Acu pisau selepas gagal ujian memandu

**Nilai:** Akibat tertekan gagal ujian memandu buat kali keempat, seorang penuntut kolej menghunuskan pisau terhadap seorang anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di persimpangan lampu isyarat di Batang Benar, Mantin, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Nor Marzuki berkata dalam kejadian jam 10.23 pagi itu, suspek lelaki berusia 18 tahun berkenaan menjalani ujian memandu bersama anggota JPJ berusia

34 tahun terbabit.

Katanya, penuntut itu yang menjalani ujian ulangan buat kali keempat melakukan beberapa kesalahan termasuk tidak berhenti ketika lampu isyarat merah.

### Keluarkan pisau dari beg

"Berikutan itu, anggota terbabit lalu meminta memberhentikan kereta 50 meter dari persimpangan lampu isyarat.

"Ketika mahu menukar pe-

mandu, suspek mengambil sebuah beg yang dibawa lalu mengeluarkan pisau pemotong sayur berukuran 30 sentimeter," katanya kepada NSTP, semalam.

Mohd Nor Marzukee berkata, suspek menghunuskan pisau pada rusuk kanan anggota JPJ berkenaan dan dengan tegas memaklumkan mahu lulus ujian memandu.

"Anggota terbabit bagaimana pun dapat membuka pintu kereta lalu keluar daripada kerenderaan berkenaan sebelum

menghubungi penyelia calon dan polis bagi mendapatkan bantuan," katanya.

Beliau berkata, sepasukan anggota polis bergas ke tempat kejadian dan membawa suspek ke Balai Polis Mantin, di sini.

"Ujian air kencing turut dilakukan ke atas suspek yang berasal dari Kuala Lumpur namun dia negatif dadah. Siasatan masih diteruskan mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksama kerana ugutan bunuh," katanya.